

# IWK rai 200 keluarga miskin bandar

IWK rai Syawal dengan membantu golongan kurang berkemampuan

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM

**I**ndah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd meraihan Syawal kali ini dengan meraihan golongan kurang berkemampuan melalui penyediaan barangan keperluan, pek makanan panas, perkhidmatan menyedut tangki septik secara percuma dan pelaksanaan kerja landskap.

Menerusi inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang juga dikenali sebagai IWKCares, syarikat itu baru-baru ini dengan kerjasama Pertubuhan

Tindakan Wanita Islam (Pertiwi) menyediakan barangan runcit kepada 200 keluarga miskin bandar di bawah kategori B40.

Turut serta pada program tersebut ialah sukarelawan IWK dan Pertiwi bagi mengagihkan pek makanan panas kepada keluarga terbabit di pusat komuniti, Pusat Gelandangan Medan Tunku di Chow Kit, Kuala Lumpur.

IWK turut bekerjasama dengan Yayasan Sindrom Down Kiwanis (Kiwanis) di Klang, Selangor bagi menawarkan perkhidmatan menyedut tangki septik secara percuma di premis berkenaan di samping turut menjalankan kerja landskap serta mengecat taman permainan kanak-kanak.

“Pihak IWK juga berpeluang beramah mesra dengan kanak-kanak istimewa ini, serta berkongsi kegembiraan dan bersuka-ria dengan badut yang mereka pelbagai bentuk belon,” menurut IWK dalam satu



Sempena Aidilfitri golongan kurang berkemampuan diberi barangan keperluan, pek makanan panas, perkhidmatan menyedut tangki septik dan pelaksanaan kerja landskap.

kenyataan pada Khamis.

Hadir sama memberi sumbangan duit raya dan beg sekolah kepada kanak-kanak istimewa di yayasan berkenaan ialah Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Narendran Maniam yang turut diiringi Pengerusi Kiwanis

Klang, Amanda Russel.

Narendran berkata, di sebalik perbezaan sambutan perayaan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia, perkara paling penting boleh ditekankan secara bersama adalah amalan bermaaf-maafan, berkongsi kegembiraan dan

mengingati mereka yang kurang bernasib baik.

“IWKCares akan meneruskan usahanya dalam mewujudkan impak positif kepada semua anggota masyarakat baik pada musim perayaan atau sebaliknya,” kata Narendran.

## 5G: Axiata yakin Celcom penuhi syarat penyertaan

**KUALA LUMPUR** - Axiata Group Bhd (Axiata) yakin anak syarikatnya, Celcom Axiata Bhd (Celcom) berupaya untuk menyertai kontrak rangkaian 5G dan mendapatkan pegangan saham dalam Digital Nasional Nasional Berhad (DNB) sebelum tarikh tamat ditetapkan kerajaan iaitu 30 Jun ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Axiata, Datuk Izzaddin Idris berkata, Celcom mempunyai pelan cadangan bagi langkah penyertaan tersebut berdasarkan daripada proses ditetapkan DNB.

“Kami sedang mengikuti proses itu dan diharap dapat membuat pengumuman dalam masa terdekat.

“Kami cuba sedaya upaya memenuhi tarikh akhir ditetapkan dan syarat dinyatakan oleh DNB dan penasihatnya. Celcom akan dapat memenuhi tarikh akhir itu,” katanya dalam sidang media selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) ke-30 Axiata di sini pada Khamis.

Pada 23 Mei lalu, Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul dilaporkan berkata, beliau telah memaklumkan kepada beberapa syarikat telekomunikasi utama bahawa



Izzaddin (kanan) bersama Pengerusi Axiata, Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan ketika melancarkan Pelan Hala Tuju Sifar Karbon Axiata semasa sidang media selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) ke-30 Axiata di Kuala Lumpur pada Khamis.

kerajaan tetap dengan pendiriannya berkenaan tarikh akhir penyertaan dalam rangkaian 5G dan pembelian pegangan saham dalam DNB.

Pada ketika ini, hanya Telekom Malaysia dan YTL Communications yang telah bersetuju untuk menyertai pelan 5G yang dirancang oleh kerajaan.

Izzaddin memaklumkan sebanyak sembilan syarikat penyedia rangkaian mudah alih telah dijemput untuk proses penyertaan ke dalam rangkaian 5G itu antaranya DiGi Telecommunications Sdn Bhd, Maxis Bhd and U Mobile Sdn Bhd.

## GMK Klang pasarkan produk IKS Sabah

**KLANG** - Pusat Borong GM Klang menjalin hubungan kerjasama bersama Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah (DIDR) untuk mempromosikan produk usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) dari Sabah di Semenanjung Malaysia.

Kerjasama tersebut dibuat menerusi perjanjian memorandum persefahaman (MoU) antara GM Klang dengan Jabatan Pembangunan Perindustrian & Penyelidikan Sabah (DIDR) menawarkan pembukaan pusat pameran dan premis runcit produk dari Sabah di Tingkat 6, Blok B dan tingkat bawah, Blok A di Pusat Borong GM Klang.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Pengarah Urusan Pusat Borong

GM Klang, Datuk Lim Seng Kok dan Pengarah DIDR Sabah, Tseu Kei Yue sambil disaksikan oleh Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah, Datuk Dr Joachim Gunsalam dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah, Thomas Logijin.

Seng Kok menerusi sidang media selepas majlis tersebut berkata, Sabah merupakan negeri pertama yang menyertai kerjasama tersebut untuk memasarkan produk tempatan dari negeri itu.

Menurut beliau, pihaknya sentiasa membuka peluang kolaborasi bagi membawa masuk pelbagai produk terutamanya produk-produk tempatan ke GM Klang.



Seng Kok (tiga dari kanan) bersama Kei Yue (tiga dari kiri) bertukar dokumen MoU pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara DIDR Sabah dengan Pusat Borong GM Klang dan Jamuan Sembang Raya di GM Klang pada Jumaat.